

Fatwa yoga cetus polemik

**SOROTAN
2008**

>>Oleh **Ahmad Saufi Mansor**
apie@hmetro.com.my

SATU daripada isu yang hangat diperkatakan tahun ini ialah pengharaman senaman yoga oleh Majlis Fatwa Kebangsaan baru-baru ini.

Ia masih lagi didebatkan, apatah lagi melalui laman sembang oleh pihak tertentu.

Mencegah lebih baik daripada mengubati. Maka, keputusan yang dibuat Majlis Fatwa Kebangsaan dianggap tepat pada masanya.

Majlis Fatwa Kebangsaan berpandangan yoga bertentangan dengan syariat Islam dan dikhuatiri mampu memesongkan akidah umat Islam kerana wujud unsur mantera dan meditasi serta penyatuan diri dengan Tuhan.

Fatwa terbaru itu menimbulkan polemik di kalangan masyarakat Islam yang sudah mengamalkan senaman yoga berkenaan yang didakwa baik untuk kesihatan sejak sekian lama.

Bukan sesuatu yang mudah apabila perlakuan yang sudah disemai dalam diri pengamalannya untuk diubah. Maka, secara tidak langsung akan menimbulkan sedikit sebanyak kontroversi.

Ini terbukti apabila ada pihak mula rasa hak mereka disentuh sedangkan pengharaman berkenaan dibuat khusus untuk umat Islam negara ini agar mereka menghindari senaman yoga terutama membabitkan mantera.

Bagaimanapun, penganut agama lain tidak dihalang untuk melakukan senaman yoga kerana ia hak mereka.

Pengharaman senaman yoga ini berdasarkan kajian mendalam sebelum keputusan dibuat dalam persidangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia pada 22 hingga 24 Oktober lalu di Kota Bharu, Kelantan.

Fatwa itu kemudian diserahkan kepada majlis agama negeri untuk diwartakan, namun setakat ini, hanya Melaka akan mewartakan pengharaman yoga.

Mengikut ensiklopedia bebas, Wikipedia, yoga dalam bahasa Sanskrit mempunyai banyak makna iaitu menggabungkan, menyatukan, kesa-

tuan, gabungan atau kaedah.

Ia adalah disiplin fizikal dan mental tradisional berasal dari India yang diperkenalkan sekitar 3,300 Sebelum Masihi untuk melambatkan proses penuaan, mengurangkan risiko kencing manis, lelah dan penyakit jantung.

Cabang yoga utama, termasuk raja yoga, karma yoga, jnana yoga, bhakti yoga dan hatha yoga.

Di luar India, istilah yoga sering disamakan dengan hatha yoga dan asananya (postur) atau bentuk senaman. Seorang pengamal yoga dipanggil yogi (uniseks) atau yogini (perempuan).

Kamus Dewan (Edisi Keempat) pula menyatakan yoga adalah sistem falsafah Hindu untuk menyatukan diri dengan Tuhan secara mengheningkan fikiran (bertafakur) melalui beberapa senaman gerak badan dan fikiran.

Ia juga membawa maksud senaman pelbagai cara untuk menenangkan fikiran terutama satu siri senaman gerak badan dengan tujuan mewujudkan keadaan badan dan fikiran yang sihat.

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Zakaria Stapa ketika me-



Amalan fizikal dalam senaman itu tanpa unsur mantera dan pemujaan tidak menjadi kesalahan. Namun, ia tidak digalakkan kerana dikhuatiri boleh menghakis akidah seseorang Muslim kerana ia sebahagian komponen daripada amalan yang diharamkan"

>>Datuk Dr Abdul Shukor Husin
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan



nyampaikan syarahan pada Wacana Ilmiah - Isu Ajaran Sesat di Malaysia di Universiti Sains Malaysia (USM), menasihati umat Islam yang mengamalkan senaman berkenaan supaya menghentikannya.

Katanya, umat Islam patut menggunakan ajaran Islam seperti solat untuk mencari ketenangan jiwa yang dilakukan secara teratur iaitu lima kali sehari.

"Jika umat Islam mahu menyihatkan tubuh badan, solat adalah pilihan terbaik dengan posisi tubuh teratur untuk semua anggota badan

sambil berzikir dengan ayat al-Quran.

"Mengapa kita perlu mencari alternatif untuk bersemenam dan mencari ketenangan? Jika silap cara, yoga boleh memesongkan akidah kerana pergerakannya mengikut gaya dan tradisi agama Hindu," katanya.

Ini kerana, katanya, umat Islam yang tiada pengetahuan agama akan mengikut saja amalan berkenaan tanpa mengetahui ia boleh memesongkan akidah.

Telahan itu ada kebenarannya kerana segelintir orang Melayu mudah terpengaruh dengan amalan terpesong hingga membawa mereka kepada kesesatan.

Ini dibuktikan dengan kelahiran amalan songsang yang diteraju Ayah Pin, contohnya menerusi 'kerajaan langit' dan ajaran sesat Rasul Melayu, Haji Abdul Kahar selain pengharaman Aurad Muhamadiyah (kumpulan Al-Arqam).

Islam diturunkan dalam keadaan lengkap hingga kajian sains moden turut membuktikan amalan solat yang diwajibkan ke atas umatnya mempunyai banyak kebaikan.

Kajian itu mendedahkan solat yang dilakukan lima kali sehari bukan hanya suatu amalan kerohanian yang mendekatkan hamba kepada pencipta-Nya malah ternyata memberi manfaat tubuh manusia.

Hasil kajian saintifik membuktikan kewajipan terhadap setiap umat Islam mempunyai hikmah tersirat terhadap fizikal dan mental manusia.

Lebih membaraggakan bukti itu diperoleh daripada hasil kajian anak tempatan, termasuk seorang bukan Islam.

Mereka adalah pensyarah Jabatan Kejuruteraan Biome-

dikal di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya (UM) yang diketuai Profesor Madya Dr Fatimah Ibrahim bersama Profesor Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok.

Ia mendapati banyak perkara positif apabila seseorang melakukan solat dan dimuatkan dalam buku 'Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains.'

Sebenarnya, fatwa dikeluarkan memerlukan kajian terperinci dari segenap sudut dengan mendapat pandangan daripada mereka yang pakar dalam sesuatu bidang.

Penemuan dari segi hukum berdasarkan pendapat muktabar akan 'disatukan' dengan penemuan pakar berkenaan untuk dibahas sehingga permasalahan pokok terhadap segala kemusykilan dapat dikeluarkan.

Pastinya, setiap fatwa akan mengambil kira keadaan semasa terhadap permasalahan yang dikemukakan dan tidak mengeneipkan asas-asas hukum yang ditetapkan mengikut syarak.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Abdul Shukor Husin ketika mengumumkan pengharaman senaman yoga, berkata amalan fizikal dalam senaman itu tanpa unsur mantera dan pemujaan tidak menjadi kesalahan.

Namun, katanya, ia tidak digalakkan kerana dikhuatiri boleh menghakis akidah seseorang Muslim kerana ia sebahagian komponen daripada amalan yang diharamkan.

"Setiap fatwa dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan adalah panduan kepada umat Islam sahaja. Dalam hal ini, umat Islam diluahkan melakukannya kerana dikhuatiri terpesong akidah," katanya.